



08 OCT, 2019

6.8peratus belia menganggur

Harian Metro, Malaysia

Page 1 of 2

Oleh Idris Musa
idris@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Dewan Rakyat semalam diberitahu, berdasarkan Survei Tenaga Buruh (STB) 2018, kadar pengangguran belia berusia 15 hingga 30 tahun ialah 6.8 peratus.

Menteri Sumber Manusia, M Kulasegaran berkata, dalam usaha membantu belia mendapatkan pekerjaan, kerajaan melaksanakan perkhidmatan pekerjaan *Jobs-Malaysia* yang memberi kemudahan kepada pencari kerja mendapatkan kerja bersesuaian.

Menurutnya, kerajaan juga menganjurkan Program Penempatan Pekerjaan yang merangkumi karnival kerja, temuduga terbuka, program kerjasama antara agensi, program penempatan golongan khas serta program penyesuaian kerjaya (zPK).

"Program ini diadakan dari semasa ke semasa bagi menemukan pencari kerja dengan majikan yang sepadan. Bagi tempoh Januari hingga Ogos 2019, 61,871 orang pencari kerja berjaya mendapat penempatan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Datuk Seri Ahmad Maslan (BN-Pontian) yang ingin tahu peratus pengangguran dalam kalangan belia serta langkah diambil dan angka mengenai pembuangan pekerja.

Dalam usaha itu, Kulasegaran berkata, kerajaan mewujudkan pusat sehati yang menggabungkan pelbagai agensi, *Graduates Enhancement Programme For Employability (Generate 2.0)*, memperkasakan Program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) dan *Structured Internship Programme (SIP)* diterajui *Talent Corp* dengan kerjasama Kementerian Pendidikan.

DEWAN RAKYAT

6.8% belia menganggur

FOTO: MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI



“Bagi tempoh Januari hingga Ogos 2019, 61,871 orang pencari kerja berjaya mendapat penempatan”

M Kulasegaran

PERDANA Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad bersama Tumbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail dan Ahli Parlimen bertafakur ketika speaker dewan menzahirkan ucapan takziah kepada Ayahanda Sultan Kelantan dan Ahli Parlimen Tanjung Piai, Allahyarham Datuk Dr Md Farid Md Rafik pada sesi soal jawab Dewan Rakyat bersambung di Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur.

Selain itu, beliau berkata, memperluaskan akses untuk mendapat Latihan dan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang hingga kini terdapat 562 institusi latihan kemahiran awam di seluruh negara.

"Menyediakan program *upskilling* dan *reskilling* kepada golongan pelajar kemahiran dan pekerja bagi mempertingkatkan kemajuan sendiri dalam menyesuaikan diri dengan perubahan keperluan kerja masa hadapan serta persekitaran yang semakin kompetitif dan dinamik," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, berdasarkan laporan pemberhentian oleh

majikan yang diterima Jabatan Tenaga Kerja (JTK), jumlah pemberhentian pekerja bagi tempoh Januari hingga September 2019 adalah 24,600 orang dengan sektor pembuatan mencatatkan kehilangan pekerjaan tertinggi iaitu 7,944 orang.

"Bagi membantu pekerja yang diberhentikan, kerajaan mengambil langkah berikut: memperkenalkan Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) mulai 1 Januari 2018 sebagai satu bentuk perlindungan keselamatan sosial kepada pekerja yang kehilangan pekerjaan.

"Pihak majikan dikehendaki melaporkan kepada JTK jika ingin melaksanakan pemberhentian pekerja," katanya.



08 OCT, 2019

6.8peratus belia menganggur

Harian Metro, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Kuala Lumpur Dewan Rakyat semalam diberitahu, berdasarkan Survei Tenaga Buruh (STB) 2018, kadar pengangguran belia berusia 15 hingga 30 tahun ialah 6.8 peratus. Menteri Sumber Manusia, M Kulasegaran berkata, dalam usaha membantu belia mendapatkan pekerjaan, kerajaan melaksanakan perkhidmatan pekerjaan Jobs- Malaysia yang memberi kemudahan kepada pencari kerja mendapatkan kerja bersesuaian. Menurutnya, kerajaan juga menganjurkan Program Penempatan Pekerjaan yang merangkumi karnival kerjaya, temuduga terbuka, program kerjasama antara agensi, program penempatan golongan khas serta program penyesuaian kerjaya (2PK).